

Apa Dia Islam

Islam Agama Yang Tidak Dapat Diceraikan Dengan Siasah

Nampaknya, pengertian orang-orang yang mengatakan bahawa Islam itu hanya ibadat semata-mata sekarang bertambah-tambah terutamanya apabila pemimpin-pemimpin kebangsaan yang takutkan pengaruh Islam akan merebak dan berpengaruh mengalahkan langkah mereka. Kurang faham pengertian agama ini, tidak sahaja timbul di kalangan orang-orang Islam yang berpelajaran Barat yang hanya mengerti sedikit benar tentang agama bahkan sebahagiannya beribadat pun tidak sempurna, tetapi timbul juga daripada orang yang bukan Islam, yang tidak mengerti akan ajaran-ajaran Islam. Kerana itu untuk mengawal supaya orang-orang Islam jangan terpengaruh oleh orang-orang seperti ini maka di bawah ini kita siarkan sesuatu makalah yang ditulis oleh saudara Muhammad Natsir, pemimpin Masyumi yang terkenal, yang ahli di dalam hukum Islam. Kita ambil rencana ini ialah kerana ditulis oleh ahlinya bahkan oleh seseorang yang bercita-cita teguh memperjuangkan cita-cita dan fahaman Islam dengan harta, diri dan nyawanya. Kita salin rencananya dengan bebas dengan tidak mengubah sedikit jua pun maksudnya – P.

(oleh Muhammad Natsir Ketua Umum Masyumi)

Kerap kali orang bertanya mengapa agama dibawa-bawa ke dalam politik. Atau sebaliknya, kenapa politik dibawa-bawa ke dalam agama? Dan kerap kali juga timbul pertanyaan, bagaimana dapat satu parti politik didasarkan kepada agama, seperti halnya dengan parti siasah Islam “Masyumi” umpamanya.

Pertanyaan ini timbul oleh sebab kerap kali orang-orang memaknakan bahawa yang dinamakan **agama** itu, hanyalah semata-mata satu cara (sistem) peribadatan antara makhluk dengan Tuhan yang Maha Kuasa. Takrifnya (*definition*) ini mungkin tepat pada bermacam-macam agama. Akan tetapi tidak tepat bagi agama yang bernama Islam itu, yang hakikatnya nyata adalah lebih daripada itu.

Kalau kita meminjam perkataan seseorang ahli pengajian Timur, Tuan H.A.R.Gibb, maka kita dapat simpulkan dalam satu kalimah:

“Islam itu adalah lebih dari sistem (cara) peribadatan. Ia itu adalah satu kebudayaan yang lengkap sempurna!”

Bahkan lebih daripada itu! Islam adalah satu falsafah hidup, satu ideologi, satu sistem peri kehidupan, untuk kemenangan manusia sekarang dan di Akhirat nanti.

Ideologi (pengajaran atau fahaman) ini menjadi pedoman bagi kita Muslim, dan kerana itu kita hidup dan kerana itu pula kita mati.

Oleh kerana itu bagi kita sebagai Muslim, kita tidak dapat melepaskan diri dari politik. Dan sebagai orang yang berpolitik, kita tidak dapat melepaskan diri dari ideologi kita, yakni ideologi Islam. Bagi kita menegakkan Islam tak dapat dilepaskan dari menegakkan masyarakat, menegakkan negara, menegakkan kemerdekaan.

Islam dan penjajahan adalah tidak ada persesuaiannya suatu pertentangan yang tidak ada persesuaian di dalamnya.

Seseorang Muslim, seseorang yang berideologi Islam, dengan sendirinya tidak akan dapat menerima penjajahan apa jua pun macamnya. Memperjuangkan kemerdekaan bagi kita,

bukan semata-mata kerana didorong perasaan kebangsaan, akan tetapi pada hakikatnya, adalah kerana kewajipan yang tak dapat dielakkan oleh tiap-tiap Muslim yang mukalaf.

Dapat difaham bahawa dalam sejarah negeri kita Indonesia, dalam menentang penjajahan dan penaklukan, kaum Muslimin dari abad ke abad, tampil ke depan dengan semangat pengorbanan yang bernyala-nyala. Pemberontakan Imam Bonjol, Diponegoro dan lain-lain pendekar Muslimin Indonesia, menjadi punca semangat bagi bangsa kita, dan keturunan selanjutnya.

Kita bukan berbangga-bangga di atas jasa-jasa mereka yang sudah dahulu daripada kita. Mereka sudah lewat dan mereka telah memetik buah daripada apa yang mereka perbuat dan perjuangkan. Kita kemukakan ini sebagai peringatan, bahawa di mana si lemah perlu dibela, di mana si tertindas harus dilepaskan dari tekanan dan kekuatan, maka golongan Islam tampil ke muka membela hak dan kebenaran agamanya, ideologinya dan **haram baginya berpeluk tangan**.

Kita tak hendak bermegah dengan perbuatan orang-orang kita yang telah dahulu daripada kita. Tetapi revolusi (pemberontakan) yang meletus di tanah air kita semenjak empat tahun yang lalu, cukup memberi ukuran bagi kita, dan umat Islam sekarang ini telah berhasil membuktikan bahawa roh Islam itu tidaklah mati. Bahkan ia adalah merupakan punca (sumber) yang tak kunjung kering, pendorong yang maha hebat dalam perjuangan penjajahan. Sejarah menjadi saksi bahawa umat Islam Indonesia, tidaklah terkebelakang dari saudara-saudaranya golongan lain. Ia bahu-membahu **berkorban dan berjihad** dalam berbagai-bagai lapangan dengan tujuan yang satu.

“Melepaskan negara dari penjajahan, lahir dan batin, menegakkan dan mengisi kedaulatan atas seluruh kepulauan tanah air.”

Dalam pergolakan yang bergelora itu Masyumi adalah saluran dari kewajipan berat bagi umat Islam Indonesia di lapangan siasah.

Dalam persimpang-siuran bermacam-macam aliran yang ada, kita bersedia mencari dasar persamaan dalam hal-hal yang dapat dijalankan bersama-sama, berjalan atas dasar:

Kalimatin sawā'in baynanā wa baynakum

(Āli 'Imrān 64)

Ertinya: Kalimah yang adil antara kami dan kamu,

Tidak ada faedahnya bagi kita menghilangkan masa dengan perasaan gusar dan kesal, apabila berjumpa dengan perlawanan faham atau ideologi. Dengan kepala dingin dan jiwa yang besar, seseorang Muslim, setiap masa harus pandai menempatkan dirinya pada pendirian yang tentu, dengan mengambil sikap:

*Qul yā qawmi i'malū 'alā makānatikum
innī 'āmil.*

(Al-An'ām: 135)

Ertinya: “Katakan hai kaumku berjuanglah kamu atas tempat dan dasar keyakinanmu, sesungguhnya aku pun adalah seorang pejuang pula.”

Dalam pada itu kita menggariskan jalan dalam masyarakat dengan tenang, tetapi tegas dan jiwa selaras dengan khutbah Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dalam membawa tugas:

*Qul hadhihi sabīl ad'ū ilā Allāhi
'alā baṣīratin ana¹ wa mani ittaba'anī
wa subḥāna Allāhi wa mā ana² mina al-mushrikīn.*

(Q. Yūsuf: 108)

Ertinya: “Katakanlah! Inilah jalanku. Aku ajak kepada jalan Allah dengan bukti-bukti, aku dan pengikut-pengikutku. Maha Suci Tuhan, aku bukanlah termasuk orang-orang yang menyekutukan Tuhan.”

¹ Mengikut hukum tajwidnya Alif itu tidak dipanjangkan harakatnya.

² Sama seperti di atas.